

KENYATAAN MEDIA

22 APRIL 2021

KUALA LUMPUR, 22 April – UEM Edgenta Berhad ("UEM Edgenta" atau "Syarikat") ingin memaklumkan berkaitan dengan penganjuran piket di hadapan Hospital Sri Manjung, Perak oleh Kesatuan Pekerja-Pekerja Swasta Perkhidmatan Sokongan di Hospital-Hospital Kerajaan Semenanjung Malaysia ("Kesatuan"), bahawa wakil dari Edgenta UEMS Sdn. Bhd. ("Edgenta UEMS") telah hadir di lokasi untuk bertemu dengan kumpulan peserta piket tersebut pada awal hari ini. Pertemuan tersebut disusuli dengan mesyuarat yang diadakan di antara pihak Pengurusan Edgenta UEMS dan para wakil Kesatuan.

Untuk makluman, segala tuduhan daripada pihak Kesatuan terhadap Edgenta UEMS telah diajukan secara rasminya kepada Jabatan Perhubungan Perusahaan di Ipoh ("JPP Ipoh") dan Edgenta UEMS telah memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada JPP Ipoh untuk menyelesaikan permasalahan yang dibangkitkan melalui turutan proses yang tertib. Syarikat juga akan terus memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak berkuasa.

Syarikat ingin menekankan bahawa kami sentiasa kekal profesional dalam berurusan dengan pihak Kesatuan dan memberi jaminan kepada orang awam bahawa Syarikat akan terus memastikan tiada sebarang gangguan perkhidmatan di hospital-hospital di bawah seliaan Syarikat.

Sebarang maklumat lanjut atau perkembangan terkini berkaitan dengan perkara ini akan dimaklumkan melalui laman web Syarikat (www.uemedgenta.com).

-Siaran Media Tamat-

Disiarkan oleh UEM Edgenta Berhad pada tarikh yang tertera di atas. Sebarang persoalan berkaitan boleh diajukan melalui e-mel kepada communications@edgenta.com.